

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1995/96

Mei/Jun 1996

JIB 002 - Biologi II

Masa : [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
 - Jawab mana-mana LIMA soalan. Setiap soalan bernilai 20 markah dan markah subsoalan diperlihatkan di penghujung subsoalan itu.
 - Setiap jawapan mesti dijawab di dalam buku jawapan yang disediakan.
-

1. Terangkan corak pemakanan dan struktur sel pada bakteria dan alga biru hijau.
(20 markah)

2. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan selangan generasi?
(10 markah)

- (b) Dengan menggunakan *Ulva sp.* dan lumut sebagai contoh, terangkan konsep selangan generasi.
(10 markah)

3. (a) Terangkan tabiat biji sebagai ubahsuaian ciri pembiakan kepada penghidupan di darat?
(10 markah)

- (b) Apakah pengubahsuaian tumbuhan angiosperma kepada pelbagai jenis habitat hidup?
(10 markah)

4. Lukiskan satu gambarajah yang lengkap berlabel anatomi luar seekor belalang. Berpandukan gambarajah ini, terangkan ciri-ciri Kelas Insecta.
(20 markah)

5. Bincangkan pengawalaturan osmosis di dalam ikan air tawar dan air masin.
(20 markah)

6. (a) Berikan pengelasan Filum Arthropoda hingga ke tahap kelas. Sertakan satu contoh untuk setiap kelas.
(10 markah)

- (b) Bincangkan kepentingan ekonomi filum ini.
(10 markah)